

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(B)31**

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG  
YB MUHAMAD BIN KASIM**

31. Kos sara hidup dan keterjaminan makanan menyebabkan rakyat amat merasa keperitan hidup pada masa kini.
- (a) Apakah strategi yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri di dalam merektifikasi permasalahan ini?
  - (b) Sejauh manakah tindakan penguatkuasaan yang dilakukan oleh agensi-agensi penguatkuasa di dalam menangani isu-isu ini?

**YB FAHMI BIN ZAINOL  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

31. (a) Dasar Agromakanan Negara 2.0 (DAN 2.0) bagi tempoh 2021 sehingga 2025 telah menggariskan inisiatif bagi menjamin bekalan makanan yang mencukupi, selamat dan mampu dibeli melalui pelbagai program peningkatan pengeluaran dan produktiviti. Inisiatif jaminan bekalan makanan akan ditumpukan kepada pengeluaran beras, daging, buah-buahan, sayur-sayuran dan ikan bagi mencapai tahap sara diri (self

sufficiency level) yang disasarkan. Antara perancangan jangka panjang yang akan diberi tumpuan adalah seperti berikut:

- (i) usaha meningkatkan pengeluaran dan bekalan makanan;
- (ii) meningkatkan akses kepada makanan;
- (iii) menstabilkan harga makanan; dan
- (iv) menjamin keselamatan makanan dan pemakanan.

Pada tahun 2024, Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang (DOA) telah menerima peruntukan pembangunan negeri sebanyak RM6.585 juta bagi 14 projek dan program pembangunan yang akan memberi manfaat secara langsung kepada kumpulan sasar iaitu petani, usahawan Industri Asas Tani (IAT) dan belia tani. Insentif yang disalurkan melalui program dan projek pembangunan ini dapat membantu para petani, usahawan IAT dan para belia tani dalam meningkatkan produktiviti hasil pertanian dan sosio-ekonomi masing-masing dan seterusnya mengukuhkan lagi rantai bekalan makanan agar lebih berdaya tahan dan mampan dalam menghadapi pelbagai situasi luar jangka.

Jabatan Pertanian juga berusaha memastikan tiga (3) Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) iaitu TKPM Ara Kuda, TKPM Mayfield, TKPM Juru dan Taman AgroTeknologi DOA-PERDA Ara Kuda terus beroperasi bagi memastikan pengeluaran sayuran dapat memenuhi keperluan penduduk di negeri Pulau Pinang.

Program Pembangunan Pertanian Komuniti atau juga dikenali program pertanian bandar dan *Farmer to Farmer* merupakan program yang dapat membantu isi rumah meringankan kos sara hidup melalui pengeluaran sendiri bahan makanan melalui bimbingan DOA turut dilaksanakan. Program ini melibatkan penduduk, sekolah, institusi dan usahawan pertanian bandar dengan kerjasama dan penglibatan pelbagai jabatan atau agensi yang berkaitan di peringkat negeri dan persekutuan.

Program ini berperanan sebagai salah satu strategi untuk menggalakkan interaksi sosial antara penduduk tempatan. Selain itu, pertanian komuniti membantu meningkatkan motivasi diri para peserta program dengan kemampuan untuk membentuk komuniti sendiri dan bekerja secara berpasukan

untuk menghasilkan produk makanan sama ada untuk kegunaan sendiri atau untuk dijual.

Kerajaan Negeri juga turut menggalakkan pembukaan kawasan projek-projek baharu dan kawasan tanah terbiar milikan individu atau kerajaan untuk dibangunkan oleh usahawan tani di negeri Pulau Pinang bagi menambah keluasan bertanam. Kerajaan Negeri juga menggalakkan projek-projek yang menggunakan teknologi *Internet of Things* (IoT) serta projek berstruktur bagi menambahkan pengeluaran hasil tanaman menggunakan teknologi terkini bagi pengeluaran hasil pertanian yang lebih produktif.

Bagi memastikan pengeluaran makanan di negeri Pulau Pinang dapat ditingkatkan dengan optimum, Kerajaan Negeri juga sentiasa menyokong projek-projek tambahan dan sedia ada dengan mengeluarkan peruntukan sebagai sokongan dalam aktiviti pertanian.

Kerajaan Negeri juga akan memperkenalkan beras tempatan jenama sendiri yang akan dinamakan sebagai Beras Cap Feri dalam masa yang terdekat. Pengeluaran Beras Cap Feri oleh Kerajaan Negeri akan memberi manfaat kepada golongan

sasar iaitu kumpulan berpendapatan rendah (B40) untuk mendapatkan beras putih tempatan dengan harga yang lebih murah berbanding beras di pasaran. Usaha ini secara langsung memastikan bekalan makanan asas sentiasa mencukupi untuk rakyat Pulau Pinang.

Selain itu, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang (JPVPP) turut melaksanakan beberapa strategi bagi memastikan keterjaminan makanan yang melibatkan ternakan di negeri Pulau Pinang. JPVPP menjalankan aktiviti pengawalan, pencegahan dan pembasmian penyakit ternakan di semua peringkat rangkaian pengeluaran makanan bermula dari peringkat ladang, rumah penyembelihan terutamanya ruminan dan babi, serta loji pemprosesan makanan bagi memastikan daging dan produk hasilan ternakan adalah bebas daripada penyakit, suci, bersih dan selamat untuk dimakan oleh pengguna.

Di samping itu, bagi mengekalkan status kesihatan ternakan berada di tahap yang baik, JPVPP menjalankan program pemvaksinan ternakan dan juga menjalankan rawatan terhadap ternakan yang dijangkiti penyakit.

Bagi pemindahan ternakan dari ladang penternak ke ladang penternak yang lain bagi tujuan pembiakan dan pemeliharaan, atau ke rumah penyembelihan ataupun bagi tujuan perayaan dan adat hendaklah mendapatkan Akuan Kebenaran Pindah (AKP) dan Sijil Kesihatan Veterinar (SKV) daripada JPVPP. Perkara ini adalah penting bagi memastikan hanya ternakan yang sihat sahaja boleh dipindahkan, mencegah penularan penyakit ternakan yang berjangkit dan zoonotik serta menjamin kesihatan awam. JPVPP akan membuat pemantauan terhadap aktiviti pemindahan ternakan ini dan sekiranya terdapat penternak yang tidak memperoleh kelulusan AKP dan SKV daripada JPVPP, penternak tersebut boleh dikenakan kompaun atau denda di bawah perundangan JPVPP.

Selaras dengan penguatkuasaan Kaedah-Kaedah Binatang Kawalan Penyembelihan 2019, semua penyembelihan hendaklah dilakukan di rumah penyembelihan (ruminan dan babi) yang diluluskan atau dilesenkan bagi mengawal dan mengesan penyakit sebelum daging tersebut dipasarkan kepada pengguna.

JPVPP juga menjalankan aktiviti persampelan makanan di loji pemprosesan makanan bagi memastikan makanan tersebut tidak tercemar dan selamat untuk dimakan.

Bagi mengurangkan beban penternak dalam mengekalkan atau mengembangkan perniagaan mereka, JPVPP juga ada menyediakan pelbagai jenis bantuan seperti pembinaan kandang/reban/premis pemprosesan produk, penaiktarafan kandang/reban/premis pemprosesan produk, perolehan mesin/peralatan, bantuan penanaman rumput (homeplot), baka lembu/kambing/aneka haiwan/anak ayam, bantuan pembungkusan dan pelabelan produk, bantuan dedak dan bata garam.

Penternak yang ingin mendapatkan bantuan JPVPP boleh mengisi borang permohonan yang dibuka pada 1 Oktober hingga 30 November pada setiap tahun di Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah (PPVD) yang berdekatan.

Kompetensi penternak juga diambil kira oleh JPVPP dengan menganjurkan latihan seperti kursus, seminar, kempen, sesi libat urus dan lain-lain aktiviti bagi menyalurkan maklumat mengenai aspek pengurusan ternakan, kesihatan ternakan,

penggunaan teknologi dan inovasi terkini kepada penternak agar pengetahuan penternak di dalam bidang ternakan dapat ditingkatkan.

Seterusnya, Kerajaan Negeri sedang dalam perancangan untuk melaksanakan Projek Pusat Ternakan Ruminan Bersepadu Pulau Pinang serta Pusat Pengeluaran Makanan Ruminan Pulau Pinang (PRUF) secara serentak bagi meningkatkan produktiviti daging tempatan. Kerajaan Negeri sedang bekerja secara rapat bersama JPVPP, Pejabat Tanah dan Galian (PTG), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk menjayakan dua projek berskala besar ini. Projek ini dijangka akan memberi impak dan manfaat yang besar kepada lebih 200 penternak lembu dan kambing dari seluruh Pulau Pinang. Hal ini secara tidak langsung membantu memastikan rantai bekalan makanan berasaskan daging sentiasa mencukupi bagi rakyat Pulau Pinang.

Melalui sektor akuakultur, pelbagai bantuan dan galakan diberikan seperti bantuan input makanan, bantuan peralatan dan juga peningkatan infrastruktur untuk menggalakkan pertumbuhan pengeluaran akuakultur. Pada tahun 2023,



sebanyak 60,562 tan metrik pengeluaran akuakultur telah direkodkan dengan peningkatan yang membanggakan. Kerajaan Negeri melalui MMK Agroteknologi & Keterjaminan Makanan dan Pembangunan Koperasi sedang dalam usahaewartakan 6 kawasan ternakan ikan sangkar marin di bawah Zon Industri Akuakultur (ZIA). Melalui usaha ini, kawasan-kawasan sangkar ikan akan dapat dilindungi daripada aktiviti pembangunan sekali gus dapat memastikan pengeluaran sumber makanan berasaskan perikanan sentiasa terjamin.

Selain itu, aktiviti pelepasan benih ke perairan umum turut dilaksanakan secara berterusan bagi tujuan menambah stok ikan. Pada tahun 2023, aktiviti pelepasan ikan telah diadakan sebanyak tiga (3) kali dengan suntikan peruntukan sebanyak RM20,000.00 daripada Kerajaan Persekutuan. Antara usaha-usaha lain adalah pelabuhan tukun serta penambahan *Fish Aggregating Device* (FAD) atau unjam yang akan memberi hasil dalam masa 3 hingga 4 tahun.

- (b) Bagi mengatasi isu bebanan rakyat akibat kos sara hidup, Jabatan Perikanan Negeri Pulau Pinang (DOF) telah melaksanakan Program Pemantauan, Kawalan dan

Pengawasan (MCS) bertujuan bagi memastikan ketirisan sumber perikanan negara dapat ditangani dengan tadbir urus yang baik dan efisien. Pihak DOF juga turut melaksanakan pemeriksaan dan verifikasi vessel/ penangkapan ikan di darat dan di perairan negeri termasuk penggunaan peralatan penangkapan ikan yang memberi ancaman terhadap sumber perikanan negara.

Segala aduan yang diterima daripada orang ramai akan terus diambil tindakan. DOF juga sentiasa menjalankan operasi bersepadu bersama-sama Polis Marin, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia dan Jabatan Laut dalam membanteras isu-isu kelautan yang melanggar Akta Perikanan 1985.

Selain itu, JPVPP juga melaksanakan pemantauan secara berterusan dan berkala bagi memastikan pemain industri patuh kepada perundangan jabatan yang sedang berkuatkuasa. Tindakan kompaun dan denda akan dikenakan kepada pemain industri yang melanggar perundangan berkenaan.

Pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Negeri Pulau Pinang turut memainkan

peranan dalam usaha penguatkuasaan dalam menangani isu kos sara diri ini. Ops Pantau telah dilaksanakan di seluruh negeri Pulau Pinang bagi tempoh 12 Mac hingga 9 April 2024. Sebanyak 17 kes sedang disiasat bagi tujuan kompaun manakala nilai rampasan adalah sebanyak RM289,589.40. Jumlah pemeriksaan bagi setiap operasi adalah seperti jadual berikut:

<b>BIL.</b>	<b>PERKARA</b>	<b>JUMLAH PEMERIKSAAN</b>
1.	Ops Pantau Harga	2,908
2.	Ops Pantau Timbang	721
3.	Ops Pantau Bekalan	151
4.	Ops Pantau Halal	43
5.	Ops Pantau Barang Tiruan/ Cakera Optik	13
6.	Ops Pantau Jualan Murah	61
<b>JUMLAH</b>		<b>3,897</b>